# NOTA RUJUKAN KOMSAS

**Di Perpustakaan**
**(Shafie Abu Bakar)**

## Maksud

**Rangkap 1**

Penyajak menggambarkan suasana di dalam perpustakaan sangat berbeza daripada tempat-tempat lain. Perpustakaan amat kaya dengan pelbagai ilmu. Para pengunjungnya pula tekun menelaah.

**Rangkap 2**

Penyajak berasakan bahawa dirinya terlalu kerdil apabila berada di rak buku yang mengandungi pelbagai jenis buku. Penyajak berasakan ilmu yang dimilikinya terlalu sedikit jika dibandingkan dengan lautan ilmu yang terdapat di perpustakaan dan dirinya tidak mugkin dapat menguasai semua ilmu yang ada di dunia.

**Rangkap 3**

Penyajak berusaha mencari ilmu pengetahuan walaupun dia mengetahui ilmu yang ada tidak akan habis diterokainya.

## Tema

Perpustakaan merupakan gedung ilmu yang menjadi kunjungan pencinta ilmu.

## Persoalan

1. Persoalan pelbagai khazanah ilmu yang terdapat di perpustakaan dan perlu dimanfaatkan.
2. Persoalan tentang pencarian ilmu pengetahuan yang terlalu luas bidangnya.
3. Persoalan cinta akan ilmu pengetahun.

## Bentuk

1. Terdiri daripada tiga rangkap
2. Bilangan barisnya tidak sama. Rangkap pertama ada sepuluh baris, rangkap kedua ada lima belas baris dan rangkap ketiga terdiri daripada enam baris.
3. Mengandungi antara dua hingga lima patah kata sebaris.
4. Rima akhirnya bebas *abccdddddd, abacdbbefegehcc,, abbaba*.
5. Sajak ini berbentuk bebas.

**Nada**

Sinis

**Gaya bahasa**

1. Pemilihan kata atau diksinya indah. Contoh : Gua pendeta bersamadi.

2. Aliterasi :pengulangan konsonan *n*
   *Contoh : Ke kedinginan yang menerpa (rangkap 1 baris 4)*
   Pengulangan konsonan *t*
   Contoh :  *satu pertukaran yang kontras*

3. Asonansi :pengulangan vokal *a*
   *Contoh :Dahaga tak pernah langsai (rangkap 3, baris 6)*
   Pengulangan vokal *i*
   *Contoh : hanya sebiji dari mutiara* (rangkap 2, baris 12)

4. Anafora – pengulangan perkataan pada awal baris
   **Contoh :** ***Di*** *puncak sepi*
   ***Di*** *sana sini* (rangkap 1, baris 7-8)

5. Metafora
   Contoh : *Di dada samudera*  (rangkap 3, baris 3)
   *Bahtera ilmu* (rangkap 2, baris 7)
6. Sinkope
   Contoh : *Melangkah ke ruang**mu***
   *Yang akan **ku**catat*

7. Personifikasi
   Contoh : *Ke kedinginan yang **menerpa***

8. Imejan
   Contoh : *Gua pendeta bersemadi.* (rangkap 1, baris 6)

**Nilai**

1. Nilai kerajinan, contohnya rajin menuntut ilmu.
2. Nilai ketekunan, contohnya tekun dalam mempelajari ilmu pengetahuan.
3. Nilai bertanggungjawab  contohnya berminat untuk mendalami ilmu pengetahuan.

# NOTA RUJUKAN KOMSAS

## Pengajaran

1. Kita hendaklah tekun semasa menuntut ilmu.
2. Kita hendaklah meneliti minat untuk mendalami sesuatu bidang ilmu.
3. Kita hendaklah memiliki kegigihan dalam usaha mngejar ilmu.
4. Kita hendaklah rajin mengunjungi perpustakaan.

**Soalan**

1. Mengapakah penyajak berasa kagum apabila melangkah ke ruang perpustakaan?

2. Nyatakan dua kepentingan perpustakaan kepada masyarakat.

**Jawapan:**

1. Penyajak kagum apabila melangkah ke ruang perpustakaan kerana dipenuhi pelbagai buku ilmiah yang membezakan perpustakaan daripada tempat-tempat lain.

2. Dua kepentingan perpustakaan kepada masyarakat ialah tempat rujukan kepada pencinta ilmu dan sumber ilmu dalam pelbagai bidang.